

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN : 192**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status tanah milik Keretapi Tanah Melayu dari Woodland hingga ke Tanjung Pagar di Singapura. Apakah faedah dan keuntungan yang Malaysia dapat apabila tanah-tanah milik Kerajaan Malaysia itu diserahkan kepada Singapura.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan perjanjian *Point of Agreement* (POA) yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura pada 27 November 1990, operasi KTMB perlu berpindah daripada Tanjong Pagar ke Woodlands. Pelaksanaannya yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2011 telah mengakibatkan tanah KTMB daripada selatan Woodlands ke Tanjung Pagar diserahkan kembali kepada Singapura. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian tanah di Woodlands yang masih kekal dibawah hakmilik KPTG.

Di samping itu, Kerajaan Singapura bersetuju penyerahan tanah dari Woodlands ke Tangung Pagar di *swap* dengan beberapa parcel tanah di Singapura iaitu di Marina South dan Ophir Rochor.

Sebagai ganti kepada tiga bidang tanah di bawah Butiran Perjanjian (POA) di Tanjung Pagar, Kranji dan Woodlands serta tiga bidang tanah di Bukit Timah, M+S Pte Ltd (M+S), sebuah syarikat usahasama 60:40 milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Temasek Holdings (Private) Ltd, telah menerima enam bidang tanah di Marina South dan Ophir-Rochor daripada Kerajaan Singapura untuk dibangunkan secara bersama. Pengumuman mengenainya telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan Singapura pada 24 Mei dan 20 September 2010.

Tanah di Marina South terletak di tengah-tengah pusat kewangan dan perniagaan di kawasan Marina Bay sementara tanah di Ophir-Rochor pula terletak di antara kawasan Kampong Glam dan kawasan pemuliharaan Jalan

Pantai dan di kawasan pertumbuhan baharu.

Pada 15 Januari 2018, M+S telah berjaya menyiapkan dan melancarkan projek pembangunan bersama Marina One dan DUO, pembangunan bersepadu yang merangkumi komponen pejabat, runcit dan kediaman, yang memiliki nilai pembangunan kasarnya (GDV) kira-kira SGD11 bilion.

Selain itu, Pulau Indah Ventures Sdn Bhd, sebuah lagi syarikat usahasama 50:50 milik Khazanah dan Temasek, kini sedang melaksanakan pembangunan bersama di Iskandar Malaysia untuk membangunkan projek pembangunan kesihatan sepadu Afiniti Medini dan Avira. Afiniti Medini telah siap pada tahun 2016.